

# 70 kadet Palapes USIM ditauliah Leftenan Muda

SERAMAI 70 kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ditauliahkan sebagai Leftenan Muda sempena Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-34 di Universiti Putra Malaysia, baru-baru ini.


Kesemua kadet berkenaan yang menjalani tempoh kursus dan latihan selama enam semester bersama Palapes Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditauliahkan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Palapes USIM yang bekerjasama dengan pasukan Palapes UKM pada masa ini berjaya melahirkan empat kumpulan Pegawai Muda sejak pengambilan kumpulan pegawai kadet pertama diadakan sejak tahun 2009.

Pegawai kadet yang terdiri daripada 41 lelaki dan 29 perempuan turut diraikan dalam Majlis Santapan Malam *Regimental* Bersama Canselor UKM, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Turut berangkat ke majlis itu Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Tuanku Muhriz turut berkenan menyampaikan Anugerah Kesatria Jaya kepada 70 pegawai kadet Palapes yang ditauliahkan.



**MUSA AHMAD** (duduk enam dari kanan) bersama penerima-penerima yang ditauliahkan sebagai Leftenan Muda sempena Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-34 di Universiti Putra Malaysia, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ahmad Maslan, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Dalam pada itu, Leftenan Muda

Siddiq Rohizan yang terpilih sebagai Anugerah Pegawai Muda Terbaik berkata, penyertaan dalam pasukan itu telah berjaya membentuk disiplin diri dan nilai kepimpinan, tanggungjawab dan kerja berpasukan yang tinggi.

“Alhamdulillah, pengurusan masa sebagai seorang pelajar dan pegawai kadet dapat

diseimbangkan dengan baik,” ujarnya.

Sementara itu, Leftenan Muda Muhammad Qusyairi Muda yang terpilih menerima Anugerah Khas Komandan berkata, pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh akan dimanfaatkan selain menyimpan hasrat untuk menyertai Askar Wataniah selepas tamat pengajian kelak.